



Headline	20 pemain import warnai saingan TNBMHL 2013		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	59	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	223 cm ²
Journalist	NOR AZIRAN YUNUS	AdValue	RM 1,939
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,817



20 pemain import warnai saingan TNBMHL 2013

NOR AZIRAN YUNUS

PEMINAT-PEMINAT pasti teruja untuk menyaksikan saingan Liga Hoki Malaysia Tenaga Nasional Berhad (TNBMHL) 2013 yang membuka tirainya Jumaat ini.

Ini kerana, ia bukan sahaja menyaksikan penampilan sulung pasukan Terengganu HT tetapi mereka juga bakal disajikan dengan kelibat pemain-pemain import terbaik dunia.

Seramai 20 pemain import telah mendaftarkan diri untuk saingan TNBMHL musim ini dan mereka akan beraksi bersama pasukan-pasukan pada Liga Perdana.

Untuk rekod, TNBMHL telah bermula sejak tahun 1987 dan pada edisi kali ini, sebanyak 14 pasukan akan berentap dalam saingan liga yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Liga Perdana

dan Divisyen Satu.

Ramai pemerhati berpendapat, saingan liga kali ini pasti lebih terbuka kerana setelah sekian lama, TNBMHL begitu sinonim dengan dominasi dua kelab terkemuka, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dan TNB.

Pendapat itu dibuktikan apabila juara bertahan liga dan Piala TNB, KLHC begitu terkesan dengan situasi tersebut apabila ramai pemain bintangnya berhijrah bagi menyertai Terengganu HT.

KLHC tidak berdiam diri dengan kehilangan pemain-pemain utama itu tetapi membuat langkah drastik dengan menyenaraikan enam pemain import, lima dari

Pakistan dan seorang dari Australia bagi memastikan mereka tidak terlepas trofi yang dinanti-nanti musim lalu.

Mengetuai senarai pemain import KLHC musim ini adalah pen-

jaring lima gol pada Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) di Ipoh minggu lalu yang juga kapten Pakistan, Muhammad Imran, Waseem Ahmad, Fareed Ahmad, Muhammad Umar Bhutta dan Akhtar Ali.

"Saya sangat teruja untuk beraksi bersama KLHC musim ini kerana pada musim lalu saya bermain untuk Sapura.

"Saya akui bahawa TNBMHL adalah saingan yang sangat mencabar dan setiap perlawanan sangat sukar," kata Muhammad Imran.

Turut menjadi tumpuan adalah bintang Australia, Timothy James Deavin yang menjaringkan gol dalam perlawanan menentang Korea Selatan dalam PSAS minggu lalu.

"Sebenarnya ini adalah kali pertama saya akan bermain di Kuala Lumpur kerana sebelum ini saya hanya bermain di Ipoh bersama pasukan Australia.

"Saya akan memberikan aksi terbaik sepanjang saingan liga ini serta membalas kepercayaan pengurus KLHC, George Koshy dan apa yang saya dengar bahawa TNBMHL adalah salah satu liga yang sangat kompetitif," kata Deavin.

Dalam pada itu, sebahagian be-

sar pemain-pemain import kali ini datang dari Pakistan dan seorang Australia manakala peminat-peminat tempatan gagal melihat kelibat bintang-bintang India kerana keengganan Persekutuan Hoki India melepaskan pemain-pemainnya kerana mereka sedang mempersiapkan pasukan kebangsaan untuk jelajah Eropah pada bulan Mei.

Selain itu, pasukan Maybank turut menyenarai empat pemain import yang kesemuanya dari Pakistan iaitu, Shakeel Abassi, Muhammad Irfan, Muhammad Waqas dan Shafqat Rasool.

Sapura pula menandatangani tiga pemain Pakistan, Khasif Ali, Yasir Islam, Muhammad Zubair dan bekas pemain India, Raja Verachamy.

Turut tidak ketinggalan, pasukan Nur Insafi Warriors yang menyenaraikan tujuh pemain Pakistan, Nasir Ahmad, Abdul Asim Khan, Shazad Amir, Imran Muhammad, Hussain Muhammad Salman dan Ateeq Muhammad.

Tujuh pasukan yang beraksi dalam Liga Perdana adalah KLHC, Maybank, Nur Insafi Warriors, Sapura, TNB, Universiti Kuala Lumpur dan Terengganu HT.

Saingan Divisyen Satu pula menyaksikan penyertaan Universiti Teknologi Mara, Sekolah Sukan Bukit Jalil, Uniten KPT, Sunday 20/30, Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail, TNB Thunderbolts dan Majlis Bandaraya Ipoh.